

24/09/1997

Perkongsian pintar demi kemakmuran bersama

Lichong Angkui

PERINGATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan kongres keempat Parti Maju Sabah (SAPP) di Tawau, Ahad lalu, cukup jelas dan tidak sukar untuk ditafsir. Mesej politik yang disampaikan terutama dalam konteks permuafakatan Barisan Nasional (BN) menjurus kepada pembentukan dan pemupukan budaya proaktif berasaskan konsep perkongsian pintar.

Menurut Perdana Menteri, dalam menangani sebarang permasalahan, sama ada dari dalam atau luar, semua pihak perlu bekerja sebagai satu barisan kerana ia akan mewujudkan kekuatan dalam perjuangan. Apabila kuat dan kukuh perpaduan, tiada siapa berani mempersendakan kita, malah kuasa asing yang mungkin dianggap hebat dahulu akan tunduk jua akhirnya.

Dalam konteks Sabah, kita berpendapat peringatan yang diberi Pengerusi BN itu memang bertepatan memandangkan keadaan dan keunikan parti politik di negeri itu yang ketika ini mempunyai gabungan lapan parti dalam BN dengan Umno sebagai tunjang utama.

Walaupun semua parti mempunyai satu agenda pembangunan yang sama, tetapi tidak dinafikan bahawa setiap parti juga mempunyai misi politik masing-masing untuk masyarakat yang diwakilinya.

Kecuali Umno, sejarah penubuhan beberapa parti kecil dalam BN Sabah ketika ini pun sebenarnya teretus daripada desakan menuntut hak yang kononnya tidak diperjuangkan dalam parti asal mereka dahulu. Namun kini, hasil muafakat dan persefahaman yang dipegang bersandarkan semangat setiakawan BN, pemimpin parti komponen dapat bersatu perjuangan dalam gagasan BN. Kalau dahulu setiap parti itu bagaikan enau dalam belukar yang mahu melepaskan pucuk masing-masing, tetapi kini mereka terikat kepa satu budaya politik nasional, justeru perlu akur dan menjunjungnya sepanjang masa.

Kesinambungan daripada itu, maka peringatan Dr Mahathir kepada parti komponen supaya memupuk perjuangan berasaskan konsep perkongsian pintar, perlu dijadikan iktibar oleh semua parti komponen. Perkongsian itu yang bermaksud "win-win situation" harus diterjemahkan dalam semua aspek - baik politik, sosial mahu pun ekonomi.

Dalam sistem ini, tiada satu pihak yang boleh membolot secara mutlak kuasa politik, agihan sosial dan kek ekonomi.

Sebaliknya setiap pihak harus ada bahagian masing-masing. Dalam ertikata yang lebih terang - pembahagian jawatan dalam sesuatu organisasi, kontrak dan projek harus mengambil kira kepentingan semua pihak. Sebagaimana simbol dacing BN, maka setiap pembahagian tidak harus condong atau berat kepada satu arah saja kerana ia akan menyebabkan dacing tadi senget sebelah.

Seperti kata Dr Mahathir: "Kita harus ingat selalu bahawa dalam satu-satu pakatan, tidak ada satu pihak untung dan satu pihak lagi rugi. Itu bukan pakatan. Dalam satu pakatan bijak, setiap seorang atau setiap pihak yang mengambil bahagian itu mesti mendapat keuntungan. Tidak ada siapa yang harus rugi dan satu pihak pula mendapat untung."

Mengambil iktibar daripada peringatan itu, maka parti komponen BN Sabah juga perlu mempraktikkan amalan perkongsian sedemikian dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang dihadapi. Ini penting kerana sebelum ini ada desas-desus mengenai sikap segelintir pihak yang suka menuding jari kepada pihak lain apabila berlaku sesuatu masalah.

Dalam sistem BN, setiap masalah diselesai menerusi perundingan dan setiap keputusan mesti dibuat secara konsensus atau sebulat suara.

Maknanya, kita boleh berbahas dan berbeza pendapat ketika perbincangan mencari penyelesaian, tetapi apabila keputusan dibuat semua pihak harus mengakuinya sebagai keputusan bersama. Dengan demikian, BN akan kelihatan tegap dan konsisten dalam semua tindakan. Inilah yang dimaksudkan dengan sistem pertanggungjawaban bersama.

Sememangnya dalam konteks kepelbagaian latarbelakang politik anggota komponen BN di Sabah, akan timbul rasa tidak puas hati sepenuhnya di kalangan sesetengah pihak. Ini kerana setiap parti mempunyai cita-cita politik yang cukup besar sedangkan ia harus dikongsi bersama lapan parti gabungan BN. Namun ini hakikat politik kerana tidak semua kehendak mereka dapat dipenuhi.

Seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, dalam perkongsian pintar ini setiap pihak harus bersedia berkorban sedikit dan jangan memikirkan hal diri sendiri saja dengan membolot 100 peratus.

"Setiap kita harus bersedia berkorban sedikit supaya pihak lain turut mendapat bahagian dan dengan itu, semua orang akan senang kerana mendapat manfaatnya. Kesanggupan berkorban ini sebenarnya sebahagian ciri dalam perkongsian pintar," kata Dr Mahathir.

Hakikatnya, jika setiap parti dalam gabungan BN bersedia mempraktikkan amalan perkongsian pintar dan bersedia berkorban sedikit, ia akan membawa kemakmuran berpanjangan bagi negara serta mewujudkan kestabilan politik yang berkekalan. Apabila negara aman dan politik stabil, ekonomi pun mengalami pertumbuhan yang menggalakkan - sekali gus memakmurkan rakyat.

(END)